

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK Peringatan: Anda diingatkan untuk membaca Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini sebelum anda menggunakan kad kredit-i AFFIN ISLAMIC. Sila dapatkan penjelasan daripada Affin Islamic Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam PDS atau terma dan syarat produk.	AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD [200501027372 (709506-V)] Kad Kredit Islamik Tarikh: Januari 2025
1. Apakah produk ini?	
Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC merupakan kad kredit patuh Shariah, yang ditawarkan dengan had kemudahan yang diberikan oleh AFFIN ISLAMIC Bank (“Bank”) kepada anda. Jika terdapat amaun kemudahan yang digunakan oleh anda tidak dijelaskan dengan penuh pada atau sebelum tarikh tertentu, amaun yang belum dijelaskan akan dicaj kadar keuntungan.	
2. Apakah konsep Shariah yang digunakan untuk Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC?	
Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC (“Kad Kredit-i”) adalah berdasarkan prinsip Syariah seperti di bawah: Tawarruq <ul style="list-style-type: none">Konsep Syariah yang terpakai untuk produk di atas ialah Tawarruq. Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual Komoditi kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai. Wakalah <ul style="list-style-type: none">Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq. Wa`d <ul style="list-style-type: none">Pelanggan akan melaksanakan Akujanji Pembelian berdasarkan konsep Wa`d. Di bawah Akujanji Pembelian tersebut, Pelanggan berjanji untuk membeli daripada Bank komoditi patuh Syariah tertentu (“Komoditi” terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain) seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi pada Harga Jualan Bank.	
3. Apa yang saya dapat dari produk ini?	
a. Had kemudahan Had kemudahan Kad Kredit-i anda bergantung kepada kriteria kelayakan anda dan tertakluk pada budi bicara pihak Bank. Bagaimanapun, sekiranya pendapatan tahunan anda adalah sebanyak RM36,000 setahun atau kurang, had kemudahan yang diluluskan adalah sehingga dua (2) kali pendapatan bulanan anda.	

b. Kadar keuntungan efektif

Produk	Kadar Keuntungan Efektif (setahun)	
	Transaksi Runcit	Transaksi Pengeluaran Tunai
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN DIVENTIUM • AFFIN INVIKTA Visa Infinite • AFFIN INVIKTA World Mastercard • AFFIN World Mastercard • AFFIN Visa Business Platinum • AFFIN AVANCE™ Visa • AFFIN AVANCE™ Mastercard • AFFIN AVANCE™ Afiliasi • AFFIN AVANCE™ Visa / Mastercard dengan Kemudahan Tunai • AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa dan AFFIN DUO+ Mastercard) • AFFIN Platinum Mastercard • AFFIN UKM Alumni Premier World • AFFIN UKM Alumni Mastercard • AFFIN UiTM • AFFIN MPN • AFFIN DUO (AFFIN DUO Visa Cash Back dan AFFIN DUO Mastercard Rewards) • AFFIN Mastercard Gold • AFFIN Mastercard Basic 	<ul style="list-style-type: none"> • Peringkat 1 - 15% setahun jika Ahli Kad telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut. • Peringkat 2 - 17% setahun jika Ahli Kad telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran dua belas (12) bulan. • Peringkat 3 - 18% setahun jika rekod pembayaran Ahli Kad tidak berada di dalam mana-mana kategori di atas. 	18% setahun daripada jumlah yang dikeluarkan sehingga tarikh pembayaran penuh amaun tersebut
<ul style="list-style-type: none"> • AFFIN AURA 	<ul style="list-style-type: none"> • Tahun pertama – 8% setahun • Tahun kedua dan seterusnya: Peringkat 1 - 9% setahun jika anda telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut; Peringkat 2 - 12% setahun jika anda telah menjelaskan bayaran minimum tepat pada masanya untuk tempoh sekurang-kurangnya sepuluh (10) bulan dalam kitaran dua belas (12) bulan; Peringkat 3 - 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak berada dalam mana-mana kategori di atas. 	18% setahun daripada jumlah yang dikeluarkan sehingga tarikh pembayaran penuh amaun tersebut

Selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Kad Kredit Islamik**"

4. Apakah tanggungjawab saya?

a. Bayaran bulanan minimum

Bayaran bulanan minimum	<p>Dikira pada 5% daripada Baki Semasa* + 100% Cukai Perkhidmatan (jika ada) + 100% daripada sebarang ansuran bulanan** (jika ada) + 100% jumlah Kena Dibayar*** (jika ada).</p> <p>*Baki Semasa = Pembelian runcit (jika ada) + jumlah Pengeluaran Tunai (jika ada) + Caj Kewangan dan/atau caj Ganti Rugi Kelewatan Bayaran dan sebarang yuran dan caj (jika ada).</p> <p>**Ansuran bulanan merujuk kepada Pelan Pembayaran Tetap (FPP), Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP), Ansuran Tunai Melalui Telefon (CIP), Pelan Bayaran Mudah (EPP) dan Penukaran Baki Automatik (ABC).</p> <p>***Jumlah bayaran minimum yang tidak dibuat dalam bulan sebelumnya.</p>
Tempoh bebas kadar keuntungan efektif	<ul style="list-style-type: none"> Untuk transaksi runcit – Dua puluh (20) hari dari tarikh penyata, sekiranya anda membayar baki sepenuhnya pada masa yang ditetapkan. Sekiranya anda tidak membayar baki sepenuhnya pada masa yang ditetapkan, kadar keuntungan efektif ke atas transaksi runcit akan dikira dari tarikh transaksi dicatatkan di dalam sistem pihak Bank. Tiada tempoh bebas kadar keuntungan efektif ke atas pengeluaran tunai.
Peruntukan bayaran	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran Kad Kredit-i yang diterima akan diperuntukkan untuk menyelesaikan jumlah baki belum jelas yang dikenakan kadar keuntungan efektif yang lebih tinggi dahulu.

- b. Anda hendaklah memaklumkan pihak Bank sekiranya terdapat pertikaian atau percanggahan berkaitan dengan Kad Kredit-i dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata.
- c. Anda hendaklah sentiasa mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan dan kecurian Kad Kredit-i dan pendedahan nombor PIN kepada pihak ketiga. Sila hubungi pihak Bank dengan segera di nombor telefon berikut apabila mendapati Kad Kredit-i anda hilang atau dicuri atau nombor PIN anda telah terdedah dan diikuti dengan pemberitahuan bertulis. Sekiranya Kad Kredit-i anda digunakan untuk transaksi tidak dibenarkan, satu laporan polis hendaklah dihantar kepada pihak Bank dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh transaksi tidak dibenarkan dilakukan.
- 03-8230 2222 bagi lain-lain Kad Kredit-i, atau
 - 03-8230 2323 bagi Kad Premium AFFIN sahaja.
- d. Anda hendaklah bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan oleh anda dan Ahli Kad Tambahan anda.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

a. Yuran tahunan

Produk	Pengecualian yuran tahunan	Tahun berikutnya (setahun)		Pengecualian yuran tahunan berikutnya tertakluk kepada*	
		Kad Utama	Kad Tambahan	(A) Perbelanjaan minimum terkumpul setahun**	(B) Bilangan transaksi runcit setahun (sebarang jumlah)
AFFIN Private Banking • AFFIN DIVENTIUM	Tidak berkenaan	RM500	RM400	RM100,000	Tidak berkenaan
AFFIN Premier Wealth • AFFIN INVIKTA Visa Infinite • AFFIN INVIKTA World Mastercard	Dikecualikan sepanjang hayat	Dikecualikan sepanjang hayat	Dikecualikan sepanjang hayat	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Umum • AFFIN INVIKTA Visa Infinite • AFFIN INVIKTA World Mastercard	Dikecualikan untuk tahun pertama	RM500	RM400	RM100,000	Dua belas (12)
• AFFIN World Mastercard	Dikecualikan untuk tahun pertama	RM500	RM400	RM48,000	Dua belas (12)
• AFFIN Visa Business Platinum	Dikecualikan untuk dua (2) tahun pertama	RM300	Tidak berkenaan	RM36,000	Dua belas (12)
• AFFIN AVANCE™ Visa • AFFIN AVANCE™ Mastercard • AFFIN AVANCE™ Afiliasi • AFFIN AVANCE™ Visa / Mastercard dengan Kemudahan Tunai • AFFIN Platinum Mastercard • AFFIN UKM Alumni Premier World • AFFIN UKM Alumni Mastercard • AFFIN UiTM • AFFIN MPN • AFFIN AURA • AFFIN Mastercard Basic	Dikecualikan sepanjang hayat	Dikecualikan sepanjang hayat	Dikecualikan sepanjang hayat	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
• AFFIN DUO+ (AFFIN DUO+ Visa and AFFIN DUO+ Mastercard)	Dikecualikan untuk 3 tahun pertama	RM100 untuk setiap kad	RM50 untuk setiap kad	Tidak berkenaan	Dua belas (12)
• AFFIN DUO • (AFFIN DUO Visa Cash Back and AFFIN DUO Mastercard Rewards)	Dikecualikan untuk 3 tahun pertama	RM75 untuk setiap kad	RM30 untuk setiap kad	Tidak berkenaan	Dua belas (12)
• AFFIN Mastercard Gold	Dikecualikan untuk tahun pertama	RM150	RM75	RM24,000	Dua belas (12)

*Pengecualian yuran tahunan tertakluk kepada (A) atau (B), yang mana didahuluikan.

**Perbelanjaan tahunan minimum terkumpul setahun(di antara tarikh pengeluaran dan pembaharuan Kad Kredit) adalah termasuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai.

b. Yuran dan caj yang lain-lain

Yuran pengeluaran tunai	5% ke atas jumlah pengeluaran tunai tertakluk pada bayaran minimum RM20 untuk setiap transaksi, yang mana lebih tinggi
Penggantian kad	<ul style="list-style-type: none"> • RM450 untuk setiap kad AFFIN DIVENTIUM • RM50 untuk setiap kad (terpakai untuk semua Kad Kredit Islamik kecuali AFFIN Mastercard basic) • RM20 untuk AFFIN Mastercard Basic
Caj ganti rugi atas kelewatan bayaran (Ta'widh)	1% ke atas baki tertunggak dengan maksimum RM100
Salinan penyata	RM5 untuk setiap salinan (tidak terpakai untuk AFFIN Mastercard Basic).
Salinan draf jualan	RM10 untuk setiap salinan (tidak terpakai untuk AFFIN Mastercard Basic).
Kurier kad	Minimum RM5 akan dikenakan bagi penghantaran kad atas permintaan. Yuran tersebut akan ditentukan mengikut kawasan dan berat.
Penyata kad	RM1.00 sebulan untuk setiap salinan cetak penyata Kad Kredit-i (terpakai untuk Ahli Kad yang memilih untuk menerima penyata bercetak dengan pengecualian untuk Ahli Kad yang berumur 60 dan ke atas).
Kadar tukaran	Apabila anda menggunakan kad di luar Malaysia, transaksi yang dilakukan akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dimana kadar tukaran akan ditentukan oleh Mastercard International pada tarikh ianya diproses oleh Mastercard International termasuk margin pertukaran mata wang asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran) sebanyak 1%.
Cukai perkhidmatan	<p>RM25 bagi setiap Kad Kredit-i Utama dan Tambahan.</p> <p>Nota:</p> <p>Cukai Perkhidmatan akan dikenakan pada tarikh Kad Kredit-i diaktifkan dan pada tarikh ulang tahun Kad Kredit-i diaktifkan pada tahun berikutnya.</p>

c. Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP) (tidak terpakai untuk ahli Kad AFFIN Visa Business Platinum dan Kad Tambahan lain-lain kad)

Tempoh (Bulan)	Jumlah pindahan minimum	Kadar keuntungan efektif pendahuluan sekali
6	RM1,000	2%
12	RM1,000	4%
18	RM2,000	5%
24	RM2,000	6%
36	RM3,000	7%

d. Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP) (tidak terpakai untuk ahli Kad AFFIN Visa Business Platinum dan Kad Tambahan lain-lain kad)

Tempoh (Bulan)	Jumlah pindahan minimum	Kadar keuntungan efektif pendahuluan sekali
6	RM1,000	2%
12	RM1,000	4%
18	RM2,000	5%

24	RM2,000	6%
36	RM3,000	7%

- e. Pelan Ansuran Tunai melalui Panggilan Telefon (CIP) (tidak terpakai untuk Ahli Kad AFFIN Visa Business Platinum dan Kad Tambahan lain-lain kad)

Tempoh (Bulan)	Jumlah CIP minimum	Kadar keuntungan efektif pendahuluan sekali
6	RM1,000	6%
12	RM1,000	8%
18	RM2,000	12%
24	RM2,000	14%

- a. Pelan Pembayaran Tetap (FPP)

i. Semua Kad Kredit Islamik

Tempoh (Bulan)	Jumlah transaksi minimum	Kadar keuntungan efektif pendahuluan sekali
6	RM500	2%
12	RM1,000	4%
18	RM2,000	5%
24	RM2,000	6%
36	RM3,000	7%

ii. Kad AFFIN AVANCE™ dan AFFIN UiTM sahaja

Tempoh (Bulan)	Jumlah transaksi minimum	Kadar keuntungan efektif pendahuluan sekali
6*	RM250*	0%
6**	RM500**	0%
6, 12 and 24**	RM2,000**	0%
6, 12 and 24	RM3,000	0%

*Terpakai untuk AFFIN AVANCE™ Afiliasi MIEA sahaja

**Terpakai untuk AFFIN AVANCE™ Afiliasi MAAM dan AFFIN UiTM sahaja.

Nota: Yuran dan caj di atas terpakai untuk Ahli Kad Utama dan Tambahan kecuali dinyatakan sebaliknya.

6. Bagaimana sekiranya saya telah menjelaskan sepenuhnya Pelan Ansuran Pindahan Baki (BTiP), Pelan Pembayaran Tetap (FPP), Pelan Bayaran Mudah (EPP) atau Pelan Ansuran Tunai Melalui Panggilan Telefon (CIP) sebelum tempoh berkunci berakhir?

Penalti tidak akan dikenakan ke atas pembayaran penuh yang dibuat dalam tempoh berkunci BTiP, FPP, EPP dan CIP seperti berikut:

Program	Tempoh berkunci	Penalti
BTiP	6, 12, 18, 24 and 36 bulan	Tiada
FPP	6, 12, 18, 24 and 36 bulan	
EPP	6, 12, 18 and 24 bulan	
CIP	6, 12, 18 and 24 bulan	

7. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- a. Caj ganti rugi atas kelewatan bayaran (Ta'widh) seperti dinyatakan di dalam item 5(b), 1% ke atas baki tertungggak dengan maksimum RM100.
- b. Sekiranya AFFIN ISLAMIC Deposit Berjangka-i (AITD-i) atau Akaun Simpanan-i (AS-i) dicagarkan kepada Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC, pihak Bank mempunyai hak untuk menolak AITD-i atau AS-i bagi menjelaskan jumlah yang terhutang. AITD-i atau AS-i akan kekal selagi kemudahan Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC masih ada.
- c. Pihak Bank boleh, dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Ahli Kad, mengabungkan, mengumpul atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Ahli Kad, samada akaun semasa, pelaburan atau sebaliknya, dengan liabiliti terhadap pihak Bank dan pihak Bank boleh menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah wang yang ada untuk mengkredit mana-mana akaun tersebut atau terhadap mana-mana liabiliti Ahli Kad terhadap pihak Bank.
- d. Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tidak sah berdasarkan PIN sekiranya terbukti anda telah:
 - melakukan penipuan;
 - lewat memaklumkan pihak Bank secepat mungkin yang munasabah selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i tidak sah;
 - mendedahkan PIN dengan sengaja kepada pihak lain; atau
 - mencatatkan PIN di atas Kad Kredit-i atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit-i.
- e. Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tidak sah di mana memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, sekiranya terbukti anda telah:
 - melakukan penipuan;
 - lewat memaklumkan pihak Bank secepat mungkin yang munasabah selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan Kad Kredit-i tidak sah atau PIN telah terjejas;
 - meninggalkan Kad Kredit-i atau barang mengandungi Kad Kredit-i tanpa penjagaan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh pihak lain; atau
 - secara sengaja membenarkan pihak lain menggunakan Kad Kredit-i anda.
- f. Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi e-perbankan, sekiranya terbukti anda telah:
 - melakukan penipuan;
 - gagal memaklumkan pihak Bank dengan segera mengenai sebarang pertukaran nombor perhubungan;
 - sengaja mendedahkan identiti capaian (ID) dan kod laluan kepada mana-mana pihak, melalui e-mel yang tidak dikenali atau di laman sesawang selain dari laman sesawang rasmi pihak Bank;
 - tidak mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi peranti keselamatan selamat setiap masa; atau
 - gagal melaksanakan kewajipan untuk melaporkan pelanggaran keselamatan kod laluan atau kehilangan peranti keselamatan kepada pihak Bank dengan segera yang munasabah, apabila Ahli Kad menyedari tentang pelanggaran keselamatan kod laluan atau kehilangan peranti keselamatan.
- g. Anda bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kad, sekiranya terbukti anda telah:
 - melakukan penipuan; atau
 - gagal melaksanakan kewajipan untuk melaporkan sebarang transaksi tidak sah kepada pihak Bank dengan segera yang munasabah apabila menyedari tentang transaksi tidak sah tersebut.

Pihak Bank berhak untuk menamatkan kemudahan Kad Kredit-i jika anda gagal mematuhi terma dan syarat berhubung penggunaan Kad Kredit-i.

8. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya baki belum jelas sebelum tempoh matang?

Tiada yuran dikenakan untuk penjelasan awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunggak pada masa penjelasan.

Formula Ibra' (rebat)

Ibra' (rebat) pada penyelesaian awal = keuntungan tertangguh – kos anggaran yang munasabah yang ditanggung oleh Bank (sekiranya ada)

Nota:

- Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan yang sepatutnya diterima – Keuntungan Terakru
- Keuntungan yang sepatutnya diterima = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank (atau Jumlah Pembiayaan)
- Keuntungan terakru dikira atas kadar keuntungan efektif dari harga belian tertunggak (jumlah pembiayaan) yang digunakan.

9. Apakah risiko utama Kad Kredit-i?

- a. Sekiranya anda hanya membayar jumlah minimum yang perlu dibayar, anda akan mengambil masa lebih lama dan memerlukan lebih banyak kos untuk menyelesaikan baki belum jelas. Fikirkan mengenai keupayaan pembayaran anda semasa menggunakan Kad Kredit-i.
- b. Sekiranya anda menggunakan Kad Kredit-i untuk membuat pembayaran pembiayaan lain, kos anda akan bertambah.
- c. Sekiranya anda mempunyai masalah untuk membayar baki Kad Kredit-i anda, hubungi pihak Bank terlebih dahulu untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- d. Anda perlu memaklumkan pihak Bank dengan serta-merta setelah mendapati Kad Kredit-i anda telah hilang atau dicuri, transaksi yang tidak sah telah dilaksanakan atau PIN telah terjejas.

10. Apa perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda maklumkan pihak Bank dengan segera tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan untuk memastikan semua koresponden diterima tepat pada waktunya.

11. Apakah had pengeluaran tunai?

20% dari jumlah had Kad Kredit-i atau had kemudahan yang masih ada, yang mana lebih rendah.

Nota: Di mana pengeluaran tunai dibuat melalui ATM, setiap pengeluaran tunai adalah tertakluk pada had pengeluaran harian atau transaksi had pengeluaran ATM.

12. Berapa kali saya boleh membuat pengeluaran tunai sehari?

Anda boleh membuat pengeluaran tunai sehingga tiga (3) transaksi sehari. Anda tidak lagi boleh melakukan pengeluaran tunai pada hari tersebut sekiranya anda telah mencapai bilangan maksimum pengeluaran tunai yang dibenarkan dalam sehari.

13. Apakah yang saya harus elakkan dengan Kad Kredit-i?

- Anda tidak dibenarkan untuk menggunakan Kad Kredit-i anda untuk melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti perjudian haram dalam talian. Pihak Bank berhak membatalkan dengan serta-merta kemudahan Kad Kredit-i sekiranya Ahli Kad didapati menggunakan Kad Kredit-i untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- Sebagai tambahan, Terma dan Syarat Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC hendaklah tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Prinsip Shariah di mana Ahli Kad hendaklah menggunakan Kad Kredit-i hanya untuk pembelian runcit dan pembayaran bagi Barang-barang dan Perkhidmatan Halal.
- Pihak Bank mempunyai kuasa untuk menghentikan sebarang transaksi yang dilaksanakan di Pedagang tidak Halal. Kod Kategori Pedagang (MCC) dan transaksi Pedagang berikut telah disekat dari penggunaan oleh Ahli Kad:

Kod Kategori Pedagang (MCC)	Transaksi Pedagang
7995	Transaksi perjudian
5993	Kedai dan gerai cerut
5921	Kedai pakej, bir, wain dan minuman keras
7273	Perkhidmatan temu janji dan pengiring
7802	Lumba Kuda/Anjing Berlesen Kerajaan
7800	Loteri Milikan Kerajaan (Wilayah U.S sahaja)
7801	Perjudian Internet
9406	Loteri Milikan Kerajaan (Negara-negara tertentu)
5967	Pemasaran Langsung – Perkhidmatan Teleservis Masuk

14. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat kesilapan/pertikaian mengenai transaksi Kad Kredit-i saya?

Anda dikehendaki memeriksa akaun/penyata Kad Kredit-i anda dengan cermat dan segera dan perlu memaklumkan pihak Bank mengenai sebarang kesilapan atau sebarang kemungkinan transaksi tanpa kebenaran berhubung dengan Kad Kredit-i dalam tempoh (empat belas) 14 hari dari tarikh penyata melalui salah satu saluran seperti dinyatakan di dalam item 15a, berikan maklum balas anda melalui e-mel ke yourvoice@affingroup.com atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-8230 2222.

15. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank melalui salah satu saluran berikut atau layari laman web kami di AffinAlways.com

Tulis kepada: Jabatan Perniagaan Kad
 Tingkat 5, Menara AFFIN
 Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange
 55188 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan: 03-8230 2222
 03-8230 2323 (Kad Premium AFFIN)

Borang Maklum Balas dalam talian di AffinAlways.com

Atau kunjungi cawangan Affin Bank atau Affin Islamic Bank berdekatan anda.

- Sekiranya masalah atau aduan anda tidak selesai dalam tempoh masa yang diberi, anda boleh merujuk kepada salah satu badan yang berikut:

Bank Negara Malaysia (BNM)	Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM)	Ombudsman for Financial Services (OFS)
BNMLINK: 1-300-88-5465 <u>Borang</u> Web: https://bnmlink.bnm.gov.my/ Fax: 03-2174 1515	Tel: 03-20268002/603-20268003 Website: www.aibim.com Fax: 03-20268012	Tel: 03-2272 2811 Laman web: www.ofs.org.my Fax: 03-2272 1577
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.	The Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM) Menara Bumiputra, 21, Jalan Melaka, City Centre, 50350 Kuala Lumpur.	Ombudsman for Financial Services Level 14, Main Block Menara Takaful Malaysia No.4 Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur

- c. Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit dan pengurusan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 dan 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2616 7766

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENGURUSKAN BAYARAN BAKI KAD KREDIT ANDA DENGAN BAIK.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 16/1/2025.